

'Geran tak catat nama DBKL'



Persatuan peniaga dakwa Kampung Pasar Minggu di Kampung Baru milik PKNS selepas buat semakan di pejabat tanah

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Kampung Pasar Minggu, Kampung Baru di sini, bukan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebaliknya milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit tidak mempunyai kuasa atau hak untuk terus bertindak atau menghalau penduduk keluar dari kediaman masing-masing.

Yang Dipertua Persatuan Peniaga dan Kebajikan Pasar Minggu, Kampung Baru, Dr Hosni Huseen Md Saat, berkata walaupun DBKL mendakwa tanah itu sudah dibeli seratus lebih tahun lalu, tetapi pada geran tanah terbabit masih tercatat nama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebagai pemilik.

Beliau berkata, maklumat terbaru itu diperoleh selepas pihaknya membuat beberapa semakan di pejabat tanah

baru-baru ini.

"Apabila kita semak di pejabat tanah, baru-baru ini, nama DBKL tidak ada dalam geran tanah terbabit, yang ada hanya nama PKNS.

"Jika benar DBKL sudah membeli tanah itu daripada PKNS, pastinya nama pada geran tanah terbabit sudah ditukarkan kepada pemilik baru, lebih-lebih lagi PBT itu mendakwa sudah berpuluh tahun pembelian dilakukan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, semalam.

Dr Hosni Huseen berkata, dengan bukti yang ada itu dan mengikut undang-undang, kini jelas kawasan perkampungan itu masih milik PKNS.

"Oleh itu, penduduk berpendapat DBKL tidak mempunyai kuasa atau hak untuk terus bertindak atau menghalau mereka keluar dari kediaman masing-masing.

"Mereka tidak akan berganjak dari kawasan ini walaupun notis meroboh kediaman penduduk yang dikeluarkan

“Jika benar DBKL sudah membeli tanah itu daripada PKNS, pastinya nama pada geran tanah terbabit sudah ditukarkan kepada pemilik baru, lebih-lebih lagi PBT itu mendakwa sudah berpuluh tahun pembelian dilakukan”

Hosni Huseen Md Saat
Yang Dipertua Persatuan Peniaga dan Kebajikan Pasar Minggu, Kampung Baru

DBKL sudah berakhir baru-baru ini. Kita akan tetap pertahankan kediaman ini.

"Kita berasa notis yang dikeluarkan DBKL seperti suatu ugutan kepada penduduk. Oleh itu, kita membuat satu laporan polis di Balai Polis Dang Wangi pada 16 Mei lalu," katanya.

Katanya, perkampungan tradisi berusia 43 tahun yang kebanyakannya didiami generasi ketiga, bukan perkampungan setinggan seperti yang didakwa DBKL.

"Penduduk tidak faham mengapa mereka diklasifikasikan sebagai setinggan sedangkan tanah ini milik kerajaan dan dibangunkan oleh PKNS pada ketika itu yang dirasmikan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman pada 1967.

"Sudahkah DBKL membuat kajian mengenai Kampung Pasar Minggu ini. Kawasan ini dijadikan seperti 'Malay Town' dan kita dijemput datang ke sini dulu," katanya.

Beliau berkata, apabila penduduk

diklasifikasi sebagai setinggan pastinya DBKL akan menggunakan Peraturan-Peraturan Perlu (Pembetulan Setinggan-Setinggan) 1969 untuk memastikan penduduk keluar dari kawasan terbabit.

"Kalau setinggan mereka wajar dapat pampasan, pembelian rumah mengikut harga setinggan tetapi kita tidak perolehi itu semua, tiada sebarang penawaran diberikan kerana hakikatnya kita tidak pernah dikategorikan sebagai setinggan.

"Jika penduduk keluar dari perkampungan itu ini bermakna mereka akan keluar sehelai sepinggan kerana tidak menerima pampasan atau ganti rugi," katanya.

Dr Hosni Huseen berkata, adalah tidak benar dakwaan segelintir pihak bahawa penduduk Kampung Pasar Minggu menolak sebarang pembangunan kerana pada hakikatnya mereka sentiasa mengalu-alukan sebarang usaha untuk memajukan kawasan itu.